

Nama: _____

Tarikh: _____

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang paling tepat.

kaki	bentuk	rawan	laras	cucuk
pucuk	bilah	batang	biji	potong

1. Zhi Yee makan se_____ tembikai sebagai pembasuh mulut selepas makan tengah hari.
2. Bapa Anson menghadiahkan se_____ cincin kepada ibunya.
3. Yong Sheng menangkap gambar di hadapan se_____ meriam sebagai kenang-kenangan.
4. Syuen Ying dan adiknya sedang makan se_____ pisang untuk mengalas perut.
5. Puan Clarissa memasukkan beberapa _____ cendawan ke dalam sup yang direneh olehnya.
6. Penjaja itu sedang membakar berpuluh-puluh _____ sate yang dipesan oleh para pelanggannya.
7. Ryniie berasa senang hati apabila menerima se_____ surat daripada sahabatnya yang telah berhijrah ke luar negara.
8. Penjual _____ itu mencancang daging dengan menggunakan se_____ pisau yang tajam.
9. Isteri nelayan itu duduk bersimpuh sambil menjirat se_____ jala yang rosak di beranda.
10. Doktor gigi sedang mencabut se_____ gigi Daniel Wong yang rosak.

-----Disediakan oleh: Cikgu Tan HS-----